

Parti peralat agama patut digugurkan

BH 12 MAY 2000

PENGGUNAAN perkataan yang menggambarkan agama pada parti perlu digugurkan kerana ia boleh menyebabkan kekeliruan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, orang Islam sendiri keliru sehingga ada yang menyokong Pas pada pilihan raya umum lalu kerana menganggap parti itu mengamalkan Islam, walaupun mereka membuat perkara yang bertentangan dengan agama.

"Bukan Islam saja, tetapi agama lain juga patut dilarang digunakan pada nama parti yang boleh menyebabkan orang ramai keliru. Umpamanya Pas mendakwa dia parti Islam, dan Islam itu Pas," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas desakan pembahas usul ucapan dasar Presiden pada sidang akhbar selepas Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, ditangguhkan petang ini.

Menteri secara agresif pada pilihan raya umum lalu.

Beliau berkata, penyebaran gambar mata lebam Anwar secara meluas oleh parti lawan, terus memberi kesan besar kepada masyarakat negara ini.

"Sebenarnya kita fikir ia sudah lenyap tetapi kita dapat pada pilihan raya lalu, isu Anwar digunakan dengan berkesan oleh parti lawan terutama gambar mata lebam Anwar.

"Kita tidak boleh menolak bahawa ada kesannya daripada apa yang cara parti lawan menggunakan nasib Anwar. Jadi kita tidak boleh hanya menutup buku kita dan berkata ia tidak terjadi... sedangkan hakikatnya ialah masih ada rakyat menerima kesan dengan mata lebam itu," katanya.

Beliau berpendapat masih ada masyarakat malah ahli Umno sendiri berasa kerajaan dan parti telah bertindak tidak adil terhadap Anwar dan kecederaan yang

Wakil Perlis. Abu Bakar Ismail, ketika membahaskan usul meminta kerajaan mengharamkan penggunaan perkataan agama dalam parti kerana ia menjejaskan perpaduan rakyat di negara ini.

Ditanya bila larangan itu akan dikuatkuasakan, Dr Mahathir berkata kerajaan belum membuat keputusan.

Mengulas usaha memulihkan sokongan rakyat terhadap Umno, Dr Mahathir berkata ahli perlu menunjukkan contoh yang baik kerana jika tidak, rakyat akan membenci Umno.

"Kita perlu fokus bagaimana untuk menjadikan parti menjadi lebih popular kerana rakyat sentiasa melihat apa yang berlaku dalam Umno," katanya.

Dr Mahathir berkata, ramai hanya mengetahui mengenai asas demokrasi walaupun sistem itu sebenarnya boleh menimbulkan masalah kepada negara, menggugat kestabilan dan menyebabkan negara tidak boleh dimajukan.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata topik Datuk Seri Anwar Ibrahim, masih disebut pada perhimpunan kali ini, iaitu yang kedua selepas Anwar dipecat, kerana parti lawan terus menggunakan isu bekas Timbalan Perdana

menimpa Anwar adalah hasil arahan kerajaan.

"Apa yang kita boleh buat ialah berusaha untuk menjelaskan keadaan sebenar, sehingga mereka percaya dan yakin bahawa tindakan memecat Anwar bukan bermotif politik tetapi lebih kepada karekturnya," katanya.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata isu mengenai moral Anwar sebenarnya disebut lebih awal oleh parti lawan, tetapi parti yang sama berpatah arah apabila mendapati isu itu boleh mendatangkan keuntungan kepada mereka.

"Jika anda masih ingat, Mohamad Sabu dalam Parlimen pernah menggelar Anwar (yang ketika itu masih dalam kerajaan), Anwar al-Juburi... bagi mereka yang tidak faham, ia bermakna Anwar al-posterior," katanya.

Ditanya mengenai sikap orang Melayu memilih kerja, Perdana Menteri berkata, mereka perlu diingatkan kerana jika tidak sanggup membuat kerja berat dan berbahaya ini, akhirnya orang lain akan mengambil alih.

"Apabila orang lain mengambil alih, kita akan kehilangan pengaruh dalam masyarakat dan akan hilang pemilikan negara," katanya.